

HAK ORANG KURANG UPAYA MENUNAIKAN SOLAT DI MASJID: ISU DAN CABARAN

The Rights of Persons with Disabilities to Perform Prayers in Mosques: Issues and Challenges

Nurul Izzattie Elnyz Mahadi*, Raihanah Abdullah*,
Mohd Norhusairi Mat Hussin*, Hasiah Mat Salleh**, Marlina***

*Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti
Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

**Department of Law, Faculty of Islamic Contemporary Studies, UNISZA,
21300 Terengganu, Malaysia

***Department of Special Education, Universitas Negeri Padang, Indonesia

*(Corresponding author) e-mail: 22055709@siswa.um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol32no3.2>

ABSTRACT

This article explores the rights of persons with disabilities (PWD) in performing prayers in mosques, in line with Islamic principles that emphasize equality and convenience in worship. Mosques, as centers of worship and community, should be inclusive for all, including PWD. However, various issues and challenges hinder their accessibility, such as the lack of PWD-friendly facilities, societal stigma, and limited awareness of PWD rights. This study adopts a qualitative approach by analyzing existing literature, including religious texts, academic studies, and legal frameworks relevant to

Malaysia. The article also examines efforts undertaken by mosques and authorities and provides recommendations to improve facilities and societal understanding. This research aims to enhance awareness and drive change toward creating more inclusive mosques for all members of society, including PWD.

Keywords: rights of persons with disabilities, prayer, mosque, accessibility, challenges

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan hak orang kurang upaya (OKU) dalam melaksanakan ibadah solat di masjid, selaras dengan prinsip Islam yang menekankan kesaksamaan dan kemudahan dalam pelaksanaan ibadah. Masjid sebagai pusat ibadah dan komuniti seharusnya inklusif untuk semua, termasuk OKU. Namun, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang menghalang aksesibiliti mereka, seperti kekurangan kemudahan mesra OKU, sikap stigma masyarakat, dan kurangnya kesedaran mengenai hak OKU. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan meneliti literatur sedia ada, termasuk teks-teks agama, kajian akademik, dan analisis terhadap undang-undang yang relevan di Malaysia. Artikel ini juga membincangkan usaha yang telah diambil oleh pihak masjid dan badan berautoriti, serta cadangan untuk memperbaiki kemudahan dan kefahaman masyarakat. Penelitian ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan memacu perubahan ke arah masjid yang lebih inklusif untuk semua lapisan masyarakat, termasuk OKU.

Kata Kunci: hak orang kurang upaya, solat, masjid, aksesibiliti, cabaran

PENDAHULUAN

Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan individu yang mengalami kecacatan fizikal, mental, intelek atau deria kronik yang menghadkan keupayaan mereka untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam interaksi sosial.¹ Statistik Pendaftaran OKU 2023 menunjukkan bahawa golongan

¹ Akta Orang Kurang Upaya, 2008

OKU merupakan golongan minoriti di Malaysia iaitu seramai 637,537² orang berbanding 33.7 juta³ rakyat Malaysia keseluruhannya. Oleh itu, mereka dikategorikan sebagai golongan rentan kerana mereka merupakan golongan minoriti di Malaysia dan hal ini bertepatan dengan maksud rentan itu sendiri iaitu populasi yang dianggap terpinggir oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).⁴ Kategori ini termasuk gelandangan, pelarian dan pendatang.⁵ Golongan OKU ini dikategorikan sebagai golongan rentan kerana mereka merupakan individu minoriti yang mempunyai kekurangan semula jadi mahupun disebabkan faktor kemalangan, keturunan, penyakit demam panas ataupun semasa proses pembesaran dalam rahim ibu, kemalangan, atau genetik.⁶ Lazimnya, anak-anak yang mempunyai masalah sewaktu dalam rahim ibu akan mengalami ketidakupayaan tertentu sama ada dari segi mental mahupun fizikal.⁷ Walaupun begitu, hak-hak OKU dalam Islam adalah sama seperti hak asasi orang lain, contohnya hak untuk menunaikan solat di masjid, hak untuk menikmati kemudahan fasiliti, hak untuk mempelajari hal ehwal agama Islam dan sebagainya.⁸ Institusi masjid, sebagai pusat ibadah dan simbol perpaduan umat Islam, seharusnya memainkan peranan penting dalam meraikan kehadiran golongan OKU dengan menyediakan kemudahan mesra OKU yang lengkap dan inklusif. Langkah ini bukan sahaja membolehkan mereka menunaikan hak beribadah dengan baik, tetapi juga

-
- ² Statistik Pendaftaran OKU Mengikut Negeri dan Kategori Sehingga 31 Januari 2023, Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PENDAFTARAN%20OKU%2031012023%20\(2\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PENDAFTARAN%20OKU%2031012023%20(2).pdf).
- ³ Bahagian Perangkaan Penduduk & Demografi” www.open.dosm.gov.my” diakses pada 17 April 2024.
- ⁴ United Nations, Factsheet on Persons with Disabilities <https://www.un.org/development/desa/disabilities/resources/factsheet-on-persons-with-disabilities.html>.
- ⁵ United Nation, <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/penerbitan-jurnal-dan-laporan/instrumen-hak-asasi-manusia-diterjemah/1162-9-item-15-convention-rights-of-persons-with-disabilities-bm-amended-by-itbm-pdf/file> diakses pada 18 Mei 2023.
- ⁶ World Health Organization, <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30309> diakses pada 18 Mei 2023.
- ⁷ Natrah Abdul Rani & Fatimah Abdullah, “Cabaran Penjagaan Kanak-Kanak Kurang Upaya Sindrom”, *The Malaysian Journal of Social Administration*, 19(1) (2024), 121-144.
- ⁸ Zulazhar Tahir et. al., “Undang-Undang Berkenaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundungan di Malaysia”, *The Malaysian Journal of Social Administration* 14 (2020), 96-114.

memenuhi tuntutan agama yang menekankan keadilan dan kesamarataaan. Golongan ini juga memerlukan fasiliti dan juga bimbingan yang sewajarnya untuk memudahkan mereka beribadah walau di mana mereka berada Justeru, usaha memastikan aksesibiliti masjid kepada golongan OKU bukan sekadar memenuhi keperluan fizikal, tetapi juga sebagai manifestasi prinsip keadilan sosial dan *rahmatan lil 'alamin* dalam Islam. Penelitian terhadap isu ini amat penting bagi memastikan golongan OKU tidak terus terpinggir, sebaliknya diberi perhatian sewajarnya agar mereka dapat menikmati hak-hak yang sama seperti masyarakat lain.

METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang memfokuskan pada teknik penyelidikan kepustakaan yang mengumpul data dan maklumat untuk kajian daripada buku, kertas kerja, jurnal, artikel, dan statut perundangan. Manakala, data kajian yang diperolehi tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis dokumen bagi mendapatkan rumusan terhadap kedudukan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) menurut perspektif Islam dan peruntukan undang-undang yang berkaitan seperti Akta Orang Kurang Upaya 2008, Perlembagaan Persekutuan, Akta Orang-Orang Papa 1997, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Selangor) 1983, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 serta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 2012.

KONSEP OKU MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN PERUNDANGAN DI MALAYSIA

1. Konsep OKU Menurut Perspektif Islam

Menurut usul fiqh, Orang Kurang Upaya termasuk dalam golongan yang memiliki *al-ahliyyah*.⁹ Dari segi bahasa, *al-ahliyyah* bermaksud kelayakan atau keahlian. Menurut istilah Syarak, *al-ahliyyah* ialah kemampuan seseorang untuk menerima hak, menunaikan kewajipan dan memastikan sesuatu tindakan (*tasarruf*) itu sah.¹⁰ Namun, Islam memberikan keringanan (*rukhsah*) kepada golongan ini untuk menjalankan ibadah dengan lebih mudah.¹¹

⁹ Wahbah Al-Zuhaylī. *Usūl al-Fiqh Islāmī*. (Damsyik: Dār al-Fikr, 2, 2004), 18.

¹⁰ Wahbah Al-Zuhaylī. *Usūl al-Fiqh Islāmī*. (Damsyik: Dār al-Fikr, 2, 2004), 18.

¹¹ Abd al-Rahman Abd al-Khalīq, *Al- Mashuq fi Ahkam al-Muawwaq Majallat al-Hikmah*. (Leeds: Buhuth al-Dirāsat al-Islāmiyyah, 1995)

Al-Ahliyyah merujuk kepada kelayakan taklif atau kesanggupan menerima perintah Syarak bagi setiap individu.¹² Konsep kelayakan dalam konteks ini dibahagikan kepada dua iaitu *ahliyyah al-wujūb* (kelayakan wajib) dan *ahliyyah al-adā'* (kelayakan melaksana). *Ahliyyah al-wujūb* ditakrifkan sebagai keupayaan individu untuk melaksanakan ketetapan Syarak dan memikul tanggungjawab orang lain. Kelayakan ini disebut sebagai kelayakan wajib kerana ia melibatkan apa yang wajib diberikan seseorang manusia berhubung hak-hak dan kewajipan asas. Kelayakan wajib ini dikategorikan kepada dua jenis iaitu kelayakan wajib tidak sempurna (*ahliyyah al-wujūb al-nāqīṣah*) seperti janin dalam kandungan yang boleh menerima haknya tetapi tidak dibebani kewajipan dan seterusnya kelayakan wajib sempurna (*ahliyyah al-wujūb al-kāmilah*) seperti orang nazak yang tetap diwajibkan zakat ke atas hartanya.¹³ Seterusnya, *ahliyyah al-adā'* ialah kelayakan individu untuk melaksanakan suatu perbuatan mengikut landasan Syarak. Asas untuk mensabitkan kelayakan ini adalah wujudnya akal atau kebolehan membuat perbandingan perkara baik dan buruk (*tamyīz*). Kelayakan ini terbahagi kepada dua iaitu kelayakan melaksana tidak sempurna (*ahliyyah al-adā' al-nāqīṣah*) seperti seseorang yang belum memiliki akal yang sempurna iaitu kanak-kanak yang *mumayyiz* itu boleh menerima tetapi tidak boleh memberi hibah atau berwasiat dan yang seterusnya ialah kelayakan melaksana sempurna (*ahliyyah al-adā' al-kāmilah*) ialah seseorang dewasa yang memiliki akal yang sempurna (*al-rusyd*). Jelaslah disini bahawa, semua manusia memiliki tanggungjawab ke atas hukum Syarak tetapi tidak semua manusia wajib melaksanakannya.

Seterusnya, seseorang yang telah mencapai kelayakan taklif berkemungkinan akan kehilangan semua atau sebahagian kelayakan apabila terdapat halangan. Para ilmuan *usul fiqh* telah membahagikan halangan kelayakan kepada dua kategori iaitu *awarid al-ahliyyah al-samawiyyah* dan *awarid al-ahliyyah al-muktasabah*. Contoh bagi *awarid al-ahliyyah al-samawiyyah* ialah gila, lemah akal (*al-'atā'h*), tidur, pengsan, lupa, sakit dan bodoh manakala contoh bagi *awarid al-ahliyyah al-muktasabah* ialah mabuk, jahil, musafir, terpaksa (*al-ikrah*) dan tersalah (*al-khatha'*). Dalam hal ini, terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a yang menjelaskan tentang golongan yang tidak termasuk dalam kelayakan taklif sebagaimana berikut :

¹² Wahbah Al-Zuhaylī. *Usūl al-Fiqh Islāmī*. (Damsyik : Dār al-Fikr, 2, 2004), 18.

¹³ Dr. H. Abd Rahman Dahlan, *Usūl Fiqh*. (Jakarta: AMZAH, Ed Cet 3, 2010), 97.

رُفِعَ الْقَلْمَنْ عَنْ ثَالَاثَةٍ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيقِظَ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَتَتَّلِمْ،
وَعَنِ الْمَجُونِ حَتَّى يَعْقُلُ

“Telah diangkat pena (tidak diambil kira oleh syarak) dari tiga golongan: dari orang yang sedang tidur sehingga ia terjaga, dari kanak-kanak hingga ia bermimpi (baligh), dan dari orang gila hingga ia waras”.¹⁴

Maksud asal ‘diangkat pena’ adalah Syarak tidak mengambil kira kewajipan ibadat terhadap tiga golongan tersebut kerana mereka tidak mempunyai kelayakan taklif.¹⁵ Perkara ini perlu dilihat dan dinilai oleh semua individu bagi memastikan prinsip diangkat pena itu merujuk kepada keringanan Syarak yang diberikan kepada mereka yang mengalami kekurangan mental atau situasi lain yang menghalang mereka daripada memahami tanggungjawab agama. Walaubagaimanapun, bagi individu yang masih mempunyai kelayakan taklif, sama ada mereka tergolong dalam kategori Kurang Upaya Fizikal atau Kurang Upaya Mental,¹⁶ kewajipan ibadah seperti solat tetap terpakai. Ini kerana solat merupakan tiang agama dan kewajipan mengerjakan solat tetap ditaklifkan kepada OKU yang tidak mempunyai keupayaan mental secara total.

Pada dasarnya, solat merupakan suatu kewajipan kepada semua umat Islam namun terdapat *rukhsah* (keringanan) ke atas mereka yang sakit, atau mengalami kekurangan fizikal.¹⁷ Contoh bagi hal ini dapat dilihat daripada peristiwa Imran bin Hussain RA yang bertanyakan Nabi Muhammad S.A.W: “Saya mempunyai buasir, dan saya bertanya kepada Rasulullah S.A.W tentang solat.” Baginda bersabda:

صَلِّ قَائِمًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبِ

“Bersolatlah secara berdiri, jika tidak mampu lakukanlah secara duduk dan jika tidak mampu juga lakukanlah secara mengiring”.¹⁸

¹⁴ Ahmad Hanbal. *Musnad al-Imām Ahmad bin Ḥanbal*. (Beirūt : Dār al-Kutūb al-Ilmiyyah, 1993), 112.

¹⁵ Sayyid Sabiq. (t.th), *Fiqh al-Sunnah*. (Beirūt: Dār al-Kitab al- Arabī), 96.

¹⁶ Muhd Farhan, “Irsyad Hukum Siri Ke-418 : Hukum Menunaikan Solat Bagi Orang Kurang Upaya”, MUFTIWP, 13 Februari 2020.

¹⁷ Surah al-Taghabun (16)

¹⁸ Imran Ibn al-Hussain,Albanī, *Ṣaḥīḥ Tirmizi*, (Beirūt: Dār al-Fikr, 1995), 372 ‘Bāb alSolah,’ ḥadīth no. 1117.

Ini merupakan salah satu contoh bagi keringanan yang dibenarkan oleh Syarak untuk individu yang tidak berkeupayaan namun hukum menunaikannya tetap wajib. Kesimpulannya, hukum kewajipan solat bagi OKU perlulah dipastikan terlebih dahulu tahap dan jenis kekurangan upaya individu itu. Jika individu itu kekurangan upaya dari sudut fizikal, maka kewajipan solat tetap dikenakan ke atasnya, namun diberi keringanan. Manakala jika seseorang itu kekurangan upaya dari segi mental, maka perlulah diteliti dengan lebih mendalam tahap kekurangan upaya mentalnya dan pada hakikatnya OKU mental ini tidaklah diwajibkan untuk menunaikan ibadah namun sekiranya mereka melaksanakannya maka ia adalah sah di sisi Islam.¹⁹ Pun begitu kewajipan untuk menunaikan solat termasuk solat Jumaat pagi individu OKU tidak boleh dipandang ringan oleh individu, keluarga mahupun kerajaan yang memerintah.

2. Kategori-Kategori Orang Kurang Upaya (OKU)

a) Orang Kurang Upaya Penglihatan

Malaysia telah mendefinisikan kecacatan penglihatan sebagai individu yang tidak dapat melihat atau mempunyai penglihatan terhad pada sebelah atau kedua-dua mata walaupun menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh.²⁰ Isu berkaitan penyakit sewaktu kehamilan, kemalangan, keturunan, dan faktor lain semuanya boleh memberi kesan kepada penglihatan individu. Bagi ahli akademik fiqh, tidak ada istilah khusus untuk kumpulan ini. Perkataan ini digunakan oleh para ulama untuk menggambarkan individu yang tidak berupaya untuk melihat sama ada kerana kecacatan kongenital atau sebab lain.²¹ Secara umumnya, cacat penglihatan tidak memberi kesan kepada amalan solat orang buta dan solat tetap diwajibkan ke atas mereka seperti orang lain kerana mereka mampu untuk menunaikan segala rukun-rukun solat dari segi rukun *qalbi* (niat), rukun *qauli* atau rukun *fi'li* (perbuatan/pergerakan anggota). Dalam soal solat berjemaah pula, para ulama menyatakan orang buta tidak wajib solat berjemaah dan tidak wajib untuk menunaikan solat jumaat bagi orang buta sama seperti perbincangan kewajipan solat

¹⁹ Izzatul Najiha & Farhan Zaidar, “Orang Kurang Upaya (OKU) Menurut Perspektif Alquran dan Hadis” (THIQAH), 2020: 42

²⁰ Jabatan Kebajikan Masyarakat, “Kategori Orang Kurang Upaya”, <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=ZW5ualdFNDNWN21vc21zRmpDQUpGZz09> diakses pada 17 Jun 2024

²¹ Azman Ab Rahman, *Fiqh Ibadat Orang Kelainan Upaya*. (Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2019), 39.

berjemaah ke atas mereka iaitu tidak wajib.²² Majoriti ulama menganggap buta sebagai salah satu dari keuzuran yang boleh menggugurkan kewajipan solat Jumaat ke atas orang buta dengan syarat dia tidak mempunyai sesiapa untuk membantunya ke masjid. Namun begitu, kadangkalanya OKU lebih suka untuk berdikari dengan bergerak sendiri ke masjid tanpa menyusahkan orang di sekelilingnya tetapi apabila masyarakat membantu golongan ini sudah semestinya mereka akan menerima bantuan tersebut dan hak kepada golongan istimewa ini dapat disempurnakan dengan baik.²³

b) Orang Kurang Upaya Pendengaran

Di Malaysia, golongan orang kurang upaya pendengaran lebih selesa dikenali sebagai “orang pekak” berbanding dengan orang yang mempunyai masalah perdengaran.²⁴ Pekak merujuk kepada sama ada pekak sepenuhnya atau separa pekak.²⁵ Orang yang tidak dapat mendengar dengan jelas secara langsung mahupun menggunakan alat bantuan pendengaran disifatkan sebagai cacat pendengaran.²⁶

Dari sudut ibadah, mereka menganggap ibadah sebagai sesuatu yang dilakukan mengikut kerelaan dan kemampuan mereka sendiri. Apabila mereka solat beramai-ramai, mereka akan meniru perbuatan kumpulan lain, dan apabila mereka solat sendirian, mereka kadang-kadang tidak melaksanakan beberapa rukun solat.²⁷ Mereka hanya berzikir pada setiap bacaan yang diketahui dalam hati mereka tanpa menggerakkan mulut. Terdapat individu istimewa yang mampu menunaikan solat lima waktu sehari semalam. Namun terdapat individu istimewa yang lain hanya berdoa dalam tempoh tertentu, seperti solat Jumaat, solat berjemaah yang diadakan di institusi dan perayaan Islam pada hari-hari penting. Sementara itu, puasa penuh dilakukan kerana adat setempat yang biasa dilakukan sebegini. Lazimnya, mereka berminat untuk memahami cara melaksanakan ibadah ini apabila adanya penyampai yang mahir berbahasa isyarat yang

²² Al-Kasanī, *Bada’i’ al-Sanā’i’ fī Tartib al-Sharā’i*, (Beirūt: Dār al-Fikr, 1996).

²³ Nurazmallail, Ahmad Kilani, *Amalan Bekerjasama Dalam Komuniti Setempat Kepentingannya Menurut Perspektif Islam*. (Kedah : Universiti Utara Malaysia, 2004), 12.

²⁴ Persatuan Orang Pekak, Kuala Lumpur
https://www.facebook.com/KLSDeaf/?locale=ms_MY

²⁵ Kamus Dewan, 2005.

²⁶ Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kategori Orang Kurang Upaya
<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=ZW5ualdFNDNWN21vc21zRmpDQUpGZz09> diakses pada 17 Jun 2024.

²⁷ Hassan J. Pelaksanaan Dakwah kepada Orang Pekak di Terengganu (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, t.t).

boleh menceritakan secara terperinci mengenai hal ehwal agama Islam serta tanggungjawab individu istimewa ini sebagai seorang Muslim. Namun begitu, kelas bimbingan yang diadakan kebanyakannya tidak menyediakan penyampai yang mahir berbahasa isyarat. Hal ini dikukuhkan dengan satu kajian yang menyatakan bahawa OKU pekak sukar mempelajari agama Islam. Rata-rata golongan ini mempunyai ruang dan peluang yang luas untuk mempelajari agama menggunakan platform media sosial. Golongan ini dapat menikmati “makanan lazat” yang berbentuk pengajian agama namun berkemungkinan besar mereka tidak memahami ilmu tersebut kerana tiada penterjemah bahasa isyarat yang boleh membantu mereka. Bahkan, khutbah mingguan dan seminar pengajian yang diwajibkan juga tidak dapat dinikmati oleh golongan ini.²⁸ Jelaslah bahawa golongan ini akan terus menerus mengasingkan diri daripada masyarakat jika tiada penambahbaikan yang berlaku malah terdapat perkara yang amat membimbangkan ialah wujudnya usaha daripada badan-badan bukan Islam yang sanggup membantu OKU dan memberi sumbangan kepada penjaga golongan ini. Oleh hal yang demikian, agensi-agensi kerajaan serta pertubuhan tertentu perlu bergiat aktif dalam menangani isu-isu berkaitan OKU.²⁹

c) Orang Kurang Upaya Pertuturan

Orang Kurang Upaya pertuturan bermaksud individu tersebut tidak boleh mengeluarkan kata-kata sewaktu berkomunikasi dan sewaktu berinteraksi dengannya, individu lain tidak dapat memahami setiap tutur kata yang dilontarkan. Keadaan ini adalah kekal atau tidak berpeluang untuk sembah.³⁰ Secara umumnya, masyarakat hanya mengetahui bahawa orang kurang upaya pertuturan ini hanya tergolong daripada orang yang bisa sahaja namun terdapat lima (5) sub kategori pertuturan. Antaranya ialah keceluaran pertuturan dan bahasa seperti kanak-kanak *pediatric speech and language disorders*. Kedua adalah keceluaran motor pertuturan seperti *apraxia* dan *dysarthria* yang mengalami kelemahan otot sewaktu bertutur menyebabkan kelancaran pertuturan ternganggu. Ketiga adalah keceluaran

²⁸ Mohd Huzairi bin Awang @ Husain. “Persepsi Pelajar Bermasalah Pendengaran Terhadap Pembelajaran Fardhu A’in: Cabaran Terhadap Guru”. (*Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education. Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 2010*).

²⁹ Mohd. Zaini Mat Abas. *Rahsia Dan Keunikan Personaliti Kanak-Kanak Autistik Di Malaysia*. (Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia. 2018), 43.

³⁰ Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kategori Orang Kurang Upaya <https://www.spa.gov.my/spa/panduan/kategori-orang-kurang-upaya-oku>, diakses pada 1 Julai 2024.

suara seperti *dysphonia*. Keempat adalah gagap seperti *stuttering*. Keistimewaan pertuturan terakhir adalah kecelaruan resonance iaitu masalah sengau sewaktu bertutur.³¹

Oleh kerana para ulama berpendapat membaca al-Fatihah ketika solat adalah wajib, maka ibadat bagi orang bisu mempunyai rukhsahnya yang tersendiri. Bagi golongan ini, hanya mendengarnya atau melihat lidahnya bergerak dengan sendiri sudah memadai sebagai kadar minimum untuk bacaan al-Fatihah.³² Jika individu bisu itu tidak mampu melakukan kedua-duanya, dia tetap perlu melakukan salah satu daripada dua perbuatan tersebut iaitu menggerakkan lidahnya untuk membaca al-Fatihah, membaca al-Quran atau doa-doa lain. Seterusnya, seperti yang diketahui umum, percakapan dalam solat atau pergerakan yang banyak boleh membatalkan solat. Namun, para ulama memberikan tiga pengecualian kepada peraturan ini. Antaranya ialah bahasa isyarat tidak membatalkan solat sepertimana berkata-kata. Malah, Imam al-Bujairimi menyatakan bahawa sekiranya orang bisu berjual beli dengan menggunakan bahasa isyarat seperti ketika solat, jual beli itu dikira sah dan solat itu tidak batal.³³ Bagi kategori OKU jenis ini, berkemungkinan besar tidak menjadi masalah dari segi pergerakan dan aksesibiliti namun terdapat kesukaran untuk berinteraksi dengan masyarakat lantas menjadikan golongan ini berasa terasing. Mereka memikirkan bahawa masyarakat tidak akan memahami apa yang mereka sampaikan dan mengambil jalan untuk mengasingkan diri daripada masyarakat.

d) Orang Kurang Upaya Mental

Kurang Upaya mental merupakan sebuah kecacatan yang memberi kesan kepada kesejahteraan mental individu tersebut sehingga menyebabkan seseorang itu tidak berupaya untuk menglibatkan diri dalam masyarakat sama ada sebahagian atau sepenuhnya.³⁴ Kebiasaannya, pesakit ini sering berasa kecewa, serabut, tekanan yang melampau dan sering menyalahkan diri sendiri apabila berdepan dengan sebarang masalah sehingga

³¹ Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kategori Orang Kurang Upaya <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=ZW5ualdFNDNWN21vc21zRmpDQUpGZz09> diakses pada 17 Jun 2024.

³² Ibn Nujaym, *Al-Bahr al-Ra'i Sharh Kanz al-Daqaiq*. (Kaherah: Dār al-Kitāb al-Islāmī li Ihya' wa Nashr al-Turath al-Islāmī, 1996).

³³ Al-Bujairimī, Sulayman bin 'Umar bin Muhammad. *Hashiyah al-Bujairimī 'ala al-Manḥāj*. (Kaherah: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1950).

³⁴ Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kategori Orang Kurang Upaya <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=ZW5ualdFNDNWN21vc21zRmpDQUpGZz09> diakses pada 17 Jun 2024

mengasingkan diri dari kehidupan orang lain serta terlampaui memikirkan tentang perkara yang belum berlaku lagi.³⁵ Dalam hal ini, kurang upaya mental bermaksud individu yang mengalami gangguan mental yang teruk dan perlu menjalani rawatan atau telah didiagnosis sekurang-kurangnya dua (2) tahun oleh pakar psikiatri.³⁶ Walaupun selepas menerima terapi psikiatri, mental individu tersebut kadangkalanya tidak dapat pulih sepenuhnya kerana pemulihan ini memerlukan jangka masa yang panjang dan melibatkan sokongan masyarakat serta orang disekeliling mereka.³⁷ Antara penyakit mental yang sering didengari ialah *Skizofrenia* dan *Anxiety*.³⁸

Dalam soal ibadah, pesakit-pesakit OKU mental, tergolong dalam kategori Awaridh Samawiyyah yang merujuk kepada halangan yang bukan disebabkan oleh perbuatan manusia sebaliknya datang daripada ketentuan Allah.³⁹ Oleh itu, majoriti kes kekurangan mental (individu cacat mental) dalam pertikaian ini boleh diklasifikasikan dalam jenis “atah”. Atah adalah penyakit mental yang mengakibatkan pemilik (tuan badan) kehilangan keupayaan untuk membezakan hal yang baik dan buruk, bercakap tidak jelas, dan hilang keupayaan untuk memahami . Oleh yang demikian, ibadat bagi kategori mental ini, Dr Abdul Karim Zaidan berkata:

وعلى هذا لا تجب عليه العبادات ولكن يصح منه أداؤها

*“Maka dengan ini tidak diwajibkan ke atas mereka dalam hal ibadat, namun sekiranya mereka melakukannya (ibadat) maka ia adalah sah”.*⁴⁰

³⁵ Muhammad Wafi Ramlie & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood, “Faktor Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Universiti Sains Malaysia: Satu Tinjauan Awal”, *Journal of Social Sciences and Humanities* 17 (7)(2020), 66-76.

³⁶ Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kategori Orang Kurang Upaya <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=ZW5ualdFNDNWN21vc21zRmpDQUpGZz09> diakses pada 17 Jun 2024.

³⁷ M. A. Pico-Alfonso, I. M. Garcia-Linares, N. Celda-Navarro, C. Blasco-Ros, E. Echeburúa, and M. Martinez, “The impact of physical, psychological, and sexual intimate male partner violence on women’s mental health: depressive symptoms, posttraumatic stress disorder, state anxiety, and suicide,” *Journal of Women’s Health* 15 (5) (2006), 599–611.

³⁸ Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kategori Orang Kurang Upaya <https://www.spa.gov.my/spa/panduan/kategori-orang-kurang-upaya-oku>, diakses pada 1 Julai 2024.

³⁹ Abd Karim Zaydan, *Al-Wajiz Fī Usūl al-Fiqh*. (Beirūt Muassasah Al-Risālah, 2009), 95

⁴⁰ Abd Karim Zaydan, *Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. (Beirūt Muassasah Al-Risālah, 2009), 95

Oleh hal yang demikian, individu yang mengalami penyakit mental perlu mendekatkan diri pada Allah SWT walaupun ibadah tidak menjadi kewajipan ke atas mereka. Hal ini demikian kerana, ibadah dapat memberi ketenangan jiwa dan merupakan salah satu cara pemulihan terhadap penyakit tersebut.⁴¹

e) Orang Kurang Upaya Fizikal

Kurang upaya fizikal ialah kecacatan anggota badan atau kehilangan fungsi badan termasuklah mengalami kekurangan terhadap anggota badan sehingga hilang keupayaannya untuk bergerak sendiri. Kategori ini termasuk kerdil, kudung tangan atau kaki atau kedua-duanya, lumpuh, kelemahan otot dan sebagainya.⁴² Menyentuh perihal ibadah solat OKU fizikal ini boleh disamakan dengan cara solat orang sakit kerana persamaan *illah* (sebab/sebab) dalam kedua-dua solat, iaitu kelemahan sebahagian anggota solat. Dari sudut rukun dan niat, mereka benar-benar solat dengan cara yang sama seperti orang lain, kecuali mereka menunaikan solat mengikut kemampuan masing-masing. Bagi OKU yang tidak boleh berdiri lama, jumhur ulama bersepakat bahawa mereka wajib menunaikan solat dalam keadaan berdiri sekiranya hanya mampu berdiri sekadar tempoh *takbiratul ihram* dan bacaan al-Fatihah seterusnya menunaikan rukun-rukun selebihnya dalam keadaan duduk.⁴³ Manakala bagi OKU yang berkerusi roda, kebanyakannya terdiri daripada mereka yang tidak mampu berdiri maka dibolehkan bagi mereka ini menunaikan solat dalam keadaan duduk.⁴⁴ Akhirnya, bagi golongan OKU yang lumpuh, hendaklah solat secara terlentang dengan ditinggikan sedikit kepala supaya menghadap kiblat dan menggunakan isyarat kepala bagi rukuk serta sujud ataupun jika tidak mampu juga, boleh menggunakan isyarat hati dengan menggambarkan rukun-rukun solat didalam hati.⁴⁵ Keadaan ini akan menjadi rumit jika tiada bimbingan khusus bagi golongan ini untuk menunaikan solat. Oleh hal yang demikian agamawan atau pihak masjid perlu membuat kelas bimbingan khusus bagi golongan ini supaya ibadah yang dilaksanakan lebih praktikal dan bersesuaian dengan syariat Islam.

⁴¹ Gina Dillon et. al., “Mental and Physical Health and Intimate Partner Violence against Women: A Review of the Literature”, *International Journal of Family Medicine* (2013), 1-15 <http://dx.doi.org/10.1155/2013/313909>.

⁴² Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kategori Orang Kurang Upaya <https://www.spa.gov.my/spa/panduan/kategori-orang-kurang-upaya-oku>, diakses pada 1 Julai 2024.

⁴³ Wahbah al-Zuhaylī, *Usūl Al-Fiqh Al-Islāmī* 1(2). (Damsyik: Dār al-Fikr, 2004).

⁴⁴ Abd Aziz Mohd Zin et. al., *Dakwah Islam terhadap Orang Kurang Upaya*. (Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2009), 12.

⁴⁵ Abd Aziz Mohd Zin et.al., *Dakwah Islam terhadap Orang Kurang Upaya*, 13.

3. Konsep OKU Menurut Perundangan di Malaysia

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Secara amnya, terdapat tujuh kategori OKU yang direkodkan di bawah JKM iaitu Kurang Upaya Pendengaran, Kurang Upaya Penglihatan, Kurang Upaya Pertuturan, Kurang Upaya Fizikal, Kurang Upaya Pembelajaran, Kurang Upaya Mental dan Kurang Upaya Pelbagai.⁴⁶

Orang Kurang Upaya (OKU) secara amnya ditakrifkan sebagai individu yang mempunyai masalah yang berkaitan dengan penglihatan, pendengaran, kesihatan mental, kesihatan fizikal dan keistimewaan yang lain. Menurut Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) OKU ialah individu yang menghadapi masalah mental, fizikal, intelek atau deria jangka panjang yang mengehadkan mereka daripada terlibat sepenuhnya dalam masyarakat seperti masyarakat lain.⁴⁷ Terdapat beberapa peruntukan yang memberi perlindungan terhadap hak OKU. Antaranya ialah Akta OKU 2008 yang merupakan sebuah akta yang mengiktiraf hak OKU dan menukar konsep OKU daripada konsep kebajikan kepada konsep berdasarkan kesamarataan hak.⁴⁸ Konsep kesamarataan yang diperuntukkan dalam Akta OKU 2008 selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Artikel 8(1) yang memperuntukkan: “*Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama ratadi sisi undang-undang*”.

Realitinya, terdapat beberapa peruntukan lain yang melindungi hak OKU termasuklah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang membantu golongan ini menikmati tempat ibadah yang selesa. Seksyen 79 Akta 303 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 bertindak membantu OKU dalam isu-isu kekeluargaan, Seksyen 2 Akta Orang Orang Papa 1997 yang membantu OKU gelandangan, dan

⁴⁶ Statistik Pendaftaran OKU Mengikut Negeri dan Kategori Sehingga 31 Januari 2023, Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PENDAFTARAN%20OKU%2031012023%20\(2\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PENDAFTARAN%20OKU%2031012023%20(2).pdf).

⁴⁷ Ikmal Hisham, “Konsep Hak Asasi Manusia Bagi Orang Kurang Upaya di Malaysia : Suatu Analisis”, *Kanun* (1)(2018), 71-99.

⁴⁸ Zulazhar Tahir et. al., “Konsep Kesamarataan dan Hak-Hak Orang Kurang Upaya di bawah Akta Orang Kurang Upaya”, *35 Kanun* (2) (2023), 217-238.

peruntukan lain, yang berfungsi untuk menangani kesaksamaan, hak dan penjagaan Orang Kurang Upaya di Malaysia.⁴⁹

Tambahan pula, pihak kerajaan menunjukkan sokongan yang berterusan kepada golongan istimewa ini sehingga pada 19 Julai 2010, Malaysia mengambil tindakan untuk meratifikasi CRPD.⁵⁰ Langkah ini membuktikan bahawa Malaysia bersedia untuk memartabatkan hak dan keperluan asasi sepertimana yang tertakluk dalam CRPD bagi memperkasakan hak golongan istimewa ini di Malaysia.⁵¹ Apabila wujudnya kesamarataan hak sepertimana yang digariskan undang-undang, individu istimewa ini tidak akan merasakan penyisihan sosial terhadap kehidupan mereka lagi.⁵²

Jelaslah disini bahawa, di Malaysia pihak yang berautoriti telah menggariskan beberapa peruntukan demi memberikan hak-hak kepada OKU untuk menikmati kehidupan dengan selamat tanpa merasa takut ditindas mahupun disisihkan. Namun begitu, jika diteliti masih terdapat ruang-ruang yang perlu ditambah baik dan ini penting bagi memastikan golongan OKU mendapat hak yang sepatutnya dan memastikan hak golongan tersebut dilindungi. Jika diamati, peruntukan-peruntukan yang disebutkan ini banyak menyentuh hak-hak yang sepatutnya diberikan kepada golongan istimewa tersebut namun dokumen perundangan tersebut seolah-olah sekadar sebuah penceritaan.⁵³ Ini terbukti apabila tiada peruntukan-peruntukan yang memberi penguatkuasaan dilaksanakan ke atas akta tersebut yang menjadikan akta tersebut lemah seolah-tidak mempunyai taring.

Konklusinya, strategi yang mantap dan bernalas daripada semua pihak berkuasa dan NGO berkaitan amat diperlukan supaya golongan OKU ini dapat menikmati hak-hak mereka dengan sewajarnya sekaligus menjadikan

⁴⁹ Zulazhar Tahir et. al., “Undang-Undang Berkenaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundangan di Malaysia”, *The Malaysian Journal of Social Administration* 14 (2020), 96-114.

⁵⁰ Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Hak Orang Kurang Upaya

⁵¹ Zulazhar Tahir et. al., “Undang-Undang Berkenaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundangan di Malaysia”, *The Malaysian Journal of Social Administration* 14 (2020), 96-114.

⁵² Aizan Sofia Amin, Penyisihan Sosial terhadap Orang Kurang Upaya. (Johor: Penerbit UTHM, 2022), 17.

⁵³ M. Rezaul Islam, “Rights of the People with Disabilities and Social Exclusion in Malaysia”. *International Journal of Social Science and Humanity*, 5 (3) (2015), 14-35.

peruntukan tersebut dapat berkuatkuasa sepetimana peruntukan lain. Peruntukan-peruntukan ini memerlukan pindaan dan penambahbaikkan supaya dapat melindungi golongan rentan ini dalam mendepani segala cabaran dan onak duri.

4. Hak OKU Menunaikan Solat di Masjid

Hak untuk menunaikan solat di masjid adalah hak asasi yang perlu dinikmati oleh semua individu, termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Hak ini berlandaskan prinsip hak asasi manusia yang diiktiraf secara global seperti yang dinyatakan dalam Artikel 9 dan Artikel 30, Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) yang menegaskan bahawa semua individu berhak mendapat akses yang sama rata dan penyertaan penuh OKU dalam kehidupan bermasyarakat, termasuk aktiviti keagamaan.⁵⁴ Selain itu, dalam konteks agama Islam, solat merupakan salah satu Rukun Islam, yang menunjukkan kewajipan bagi setiap Muslim, termasuk OKU untuk melaksanakannya tanpa halangan. Oleh itu, masjid sebagai pusat ibadah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan persekitarannya bersifat inklusif dan mesra OKU, selaras dengan CRPD yang menggariskan keperluan penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan yang bebas daripada diskriminasi terhadap OKU. Pendekatan ini juga sejajar dengan *rights-based approach*, yang menekankan bahawa akses OKU ke masjid adalah hak mereka, bukan sekadar ihsan atau belas kasihan masyarakat. Tiga aspek utama yang perlu diberikan perhatian dalam memenuhi hak ini adalah kemudahan fizikal, kemudahan spiritual, dan penglibatan OKU dalam aktiviti masjid.⁵⁵ Dengan usaha ini, masjid bukan sahaja dapat memenuhi keperluan OKU, tetapi juga mencerminkan keprihatinan Islam terhadap hak OKU sewaktu menunaikan ibadah di masjid.

Kemudahan fizikal adalah aspek penting dalam memastikan OKU dapat menikmati kemudahan di masjid dan menunaikan ibadah tanpa halangan.⁵⁶

⁵⁴ Konsumer Kini. Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2018 laman sesawang consumer kini, diakses pada 13.6.2023, <https://www.konsumerkini.net.my/v2/index.php/berita-terkini/hak-asasi-manusia/147-konvensyen-hak-orang-kurang-upaya-pertubuhan-bangsa-bangsa-bersatu>

⁵⁵ Muhammad Uthman. Institusi Masjid yang Bersifat Futuristik. Kertas Kerja Seminar Pemantapan Institusi Masjid: Wasilah Ke Arah Kecemerlangan Umat, INMIND, 1997

⁵⁶ Shalini a/p Sanmargaraja Seow Ta Wee. Kajian Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya OKU di Nusajaya, Johor Bahru, (2012), 94-99

Masjid perlu menyediakan infrastruktur yang mesra OKU, seperti parkir khas yang terletak berhampiran pintu masuk masjid untuk memudahkan pergerakan OKU fizikal, terutamanya mereka yang menggunakan kerusi roda atau tongkat. Laluan ramp dengan sudut cerun yang sesuai dan pegangan tangan juga harus disediakan untuk memudahkan akses masuk ke kawasan masjid.⁵⁷ Selain itu, untuk mengkhususkan lagi jenis pembangunan mesra OKU yang bakal dilakukan, satu kajian lepas oleh Nashirudin, mencadangkan garis panduan reka bentuk tempat mengambil wudhu' yang meliputi tiga aspek iaitu hubungan antara antropometrik dengan lokasi, pemisahan kawasan dan kawasan wudhu'. Antropometrik merujuk kepada ukuran badan manusia yang digunakan untuk menentukan fizikal ruang kerja, peralatan dan pakaian bagi mengelakkan perlanggaran fizikal. Aspek pemisahan kawasan pula menuntut pemisahan kawasan wudhu' lelaki dan wanita, Kawasan tandas, serta mempertimbangkan arah kiblat yang tertumpu pada tiga kawaasan iaitu basah, separa basah dan kering untuk memastikan kebersihan dan keselamatan pengguna. Aspek ketiga adalah perancangan jarak dan ukuran tempat wudhu' seperti jarak tempat duduk dengan faucet dan penggunaan faucet automatic, dengan pembaharuan pada sistem saliran air untuk memenuhi kehendak OKU.⁵⁸ Penyediaan ruang solat yang luas dan bebas halangan turut membantu OKU untuk berada di saf yang sama dengan jemaah lain, sekaligus memperkuuh semangat kebersamaan dalam ibadah. Oleh hal yang demikian, pihak pengurusan masjid perlu bekerjasama dengan NGO untuk menghidupkan institusi masjid yang bersifat kondusif dan dibina mengikut Standards & Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM)⁵⁹ serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya golongan OKU dapat mempelajari ilmu agama Islam dengan lebih selesa.⁶⁰

Seterusnya, kemudahan spiritual pula merujuk kepada usaha untuk membantu OKU merasai sepenuhnya pengalaman spiritual dalam menuai solat dan menyertai aktiviti keagamaan di masjid. Masjid

⁵⁷ Hasliza Hassan "Prasarana Mesra OKU di Masjid Masih Kurang", Berita Harian, 6 November 2015 <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/11/94981/prasarana-mesra-oku-di-masjid-masih-kurang>

⁵⁸ Nashiruddin. Cadangan Penyediaan Tempat Wuduk yang Efisien : Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid, (2008), 124-140

⁵⁹ Samsuri, N. A. Penyediaan fasiliti OKU di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura. (Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2017)

⁶⁰ Abdul Aziz bin Mohd Zin. (2009). Dakwah Islam terhadap OKU. Universiti Malaya

boleh menyediakan Al-Quran dalam tulisan Braille untuk golongan OKU penglihatan agar mereka dapat membaca dan mendalami ajaran agama dengan lebih baik. Tambahan pula, kajian Norakyairee menyatakan bahawa program pendidikan khas yang dianjurkan di sekolah telah menawarkan pengajian Alquran Braille kepada murid berkeperluan khas seperti individu buta dan pekak. Pengajian ini boleh dicadangkan untuk dilaksanakan di masjid supaya lebih ramai pelajar berkeperluan khas berpeluang untuk mempelajarinya. Jelaslah disini bahawa golongan ini memerlukan model masjid mesra OKU bagi mendalami ilmu agama dengan lebih mendalam.⁶¹ Untuk golongan OKU pendengaran, skrin digital yang memaparkan teks khutbah, terjemahan bacaan, atau arahan solat berjemaah dapat membantu mereka memahami kandungan khutbah dan mengikuti ibadah dengan penuh penghayatan.⁶² Selain itu, masjid boleh menganjurkan ceramah atau kelas agama khas dengan pendekatan yang lebih mudah difahami oleh OKU pembelajaran atau mental. Menurut penulisan Abd Wahab, masjid bukan hanya sebagai tempat ibadah tetapi merupakan tempat kegiatan keilmuan yang menjadi pusat rujukan utama terutamanya dalam hal ehwal agama.⁶³ Bagi membentuk masjid sebagai tempat kegiatan keilmuan yang memfokuskan OKU, pihak pengurusan masjid disarankan untuk membina sebuah pembangunan kurikulum agama khas bagi OKU yang berasaskan Quran dan Sunnah serta silibus ini diajarkan kepada golongan istimewa.⁶⁴ Kemudahan spiritual ini bukan sahaja memenuhi keperluan mereka tetapi juga memastikan mereka tidak terpinggir daripada aktiviti keagamaan di masjid.

Di samping itu penglibatan OKU dalam aktiviti masjid adalah langkah penting untuk memastikan OKU merasa diterima dan dihargai sebagai sebahagian daripada komuniti Muslim. Masjid boleh menganjurkan

⁶¹ Norakyairee Hj. Mohd Raus & Ab. Halim Tamuri. Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti dan Cabaran Semasa. (Prosiding) Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa: Pusat Islam, UTM dan IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh. Halaman: 2011, 139

⁶² Norsaadah bt Din @Mohamad Nasirudin et.al., "Hubungan Persepsi Orang Kurang Upaya dan Masyarakat di Institusi Masjid", e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan : PASAK (2018),98

⁶³ Abd. Wahab, Nor Azlina; Ab. Hamid, Norafifah; Che Man, Norajila. (2017). Pemerkasaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. E-Academia Journal, [S.L.], V. 5, N.2, Jan. 2017. ISSN 2289-6589.

⁶⁴ Siti Rahmah et al. Pendidikan Al-Quran bagi OKU : Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Vol 20(20) Special Issue, 2019, 78-98


program khas seperti kelas agama, ceramah, atau bengkel yang direka untuk memenuhi keperluan OKU.⁶⁵ Latihan khas kepada sukarelawan masjid juga penting supaya mereka dapat memahami dan membantu keperluan OKU sewaktu menunaikan ibadah di masjid, seperti membantu mereka mengambil wuduk, memandu arah, atau menyediakan kerusi solat. Selain itu, melibatkan OKU dalam jawatankuasa masjid adalah satu inisiatif yang berkesan untuk memastikan suara dan keperluan mereka didengar dan diambil kira dalam perancangan program atau pembangunan masjid.⁶⁶ Langkah ini akan memperkuuh nilai kebersamaan dan keadilan dalam komuniti Muslim.

Secara keseluruhannya, hak OKU untuk menunaikan solat di masjid hanya dapat dipenuhi dengan usaha menyeluruh yang merangkumi penyediaan kemudahan fizikal, spiritual, dan penglibatan mereka secara aktif dalam aktiviti masjid. Pendekatan ini bukan sahaja memenuhi keperluan OKU tetapi juga mencerminkan nilai keadilan dan inklusiviti yang dianjurkan oleh Islam. Dengan memastikan persekitaran masjid mesra OKU sepetimana yang ditunjukkan dalam rajah 1, masyarakat Muslim akan dapat membina komuniti yang harmoni, menghormati hak semua individu, dan memperkuuh semangat persaudaraan dalam agama.

⁶⁵ Kamarulzaman K (2007) Adult learning for people with disabilities in Malaysia: Provisions and services.The Journal of Human Resource and Adult Learning 3(2), 50-64.

⁶⁶ Aizan Sofia Amin. Penyisihan Sosial terhadap Orang Kurang Upaya, (Johor : UTHM, 2022)

Rajah 1. Aksesibiliti Yang Disediakan di Masjid Berdasarkan Sorotan Literatur



5. Cabaran OKU Menunaikan Solat di Masjid

Orang Kurang Upaya (OKU) ialah individu istimewa yang mengalami cabaran tertentu dalam menjalani kehidupan sehari-hari, namun mereka tetap berhak untuk menikmati hak-hak asas yang dijamin kepada semua,

termasuk hak untuk menunaikan ibadah di masjid.⁶⁷ OKU dikategorikan kepada tujuh kategori OKU iaitu penglihatan, pendengaran, pertuturan, mental, fizikal, pembelajaran dan pelbagai yang berkemungkinan mengalami cabaran yang tersendiri sewaktu menunaikan solat di masjid. Sebagai contoh, OKU fizikal mungkin mengalami kesukaran untuk melaksanakan solat secara berdiri atau mengakses ruang solat yang mesra OKU. OKU pendengaran pula mungkin menghadapi cabaran dalam memahami khutbah atau arahan sewaktu solat berjemaah, manakala OKU penglihatan berkemungkinan sukar untuk menentukan arah kiblat, OKU mental dan pembelajaran mungkin menghadapi masalah dalam memahami dan mempraktikkan ajaran agama dengan sempurna.⁶⁸ Justeru, adalah menjadi tanggungjawab masyarakat, khususnya institusi masjid, untuk memastikan akses dan keperluan OKU dalam memunaikan solat dipenuhi untuk mengatasi cabaran yang dialami oleh OKU sewaktu menunaikan solat di masjid.

Bagi OKU fizikal, cabaran utama adalah berkaitan akses ke masjid. Kebanyakan masjid tidak menyediakan laluan ramp, ataupun jika disediakan ramp tersebut tidak menepati piawaian MS1184, atau pintu masuk yang disediakan menyukarkan pengguna kerusi roda dan inividu yang bertongkat.⁶⁹ Selain itu, ruang solat yang sempit dan tidak teratur menyukarkan mereka untuk berada dalam saf yang sama dengan jemaah lain. Tempat wuduk juga biasanya direka dengan sinki yang terlalu tinggi dan ketiadaan kerusi sewaktu mengambil wuduk.⁷⁰ Malah, ketiadaan kerusi solat yang mencukupi juga menyukarkan OKU fizikal yang tidak dapat berdiri untuk menunaikan solat dengan selesa.⁷¹ Semua ini membuktikan bahawa akses fizikal adalah cabaran utama bagi OKU fizikal sewaktu menunaikan solat di masjid.

⁶⁷ Ruwaida Md Zain, PERKESO Komited Fokus Bantu Golongan Rentan, OKU, Berita Harian, 3 Mac 2024.

⁶⁸ Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi Mustari, *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat, Hadhari*. (Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press, 2008), 34.

⁶⁹ Hazlin et. al., *Kesedaran Golongan Majikan Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia: Melalui Perspektif Media*. (Kuala Lumpur: ICoMM, 2015), 191-198.

⁷⁰ Syah, M. A. & Jasmi, K. A., “Cadangan Penyediaan Tempat Wuduk yang Efisien” dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. (Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press, 2008), 124-140.

⁷¹ Aizan Sofia Amin, *Penyisihan Sosial terhadap Orang Kurang Upaya*. (Johor: UTHM, 2022), 17.

Seterusnya, cabaran bagi OKU pendengaran lebih tertumpu kepada komunikasi dan pemahaman sewaktu ibadah. Mereka sering menghadapi kesukaran untuk memahami arahan imam seperti peralihan rukuk dan sujud kerana bergantung sepenuhnya kepada gerak tubuh yang kadangkala tidak kelihatan dengan jelas. Dalam konteks khutbah pula, ketiadaan paparan visual seperti skrin teks atau terjemahan menyebabkan mereka tidak dapat memahami kandungan khutbah. Kebiasaan masjid menyediakan teks khutbah yang menarik namun pengajian tersebut seperti “hidangan yang enak” yang hanya mampu dilihat namun tidak dapat dinikmati oleh golongan OKU yang mempunyai masalah pendengara.⁷² Dalam keadaan ini, mereka sekadar menghadirkan jasad kerana mereka tidak dapat mendengar dengan baik akan intipati pengajian tersebut. Sistem visual yang tidak mesra OKU pendengaran menambah cabaran mereka untuk mengikuti solat berjemaah dan mendengar khutbah dengan baik.

Begitu juga dengan OKU penglihatan, mereka menghadapi kesukaran yang berbeza termasuklah menentukan arah kiblat tanpa bantuan panduan visual yang jelas dan mereka juga sering memerlukan bimbingan untuk sampai ke ruang solat kerana tiada kemudahan khas seperti jalur braille atau bantuan sukarelawan. Hal ini dibuktikan dengan kajian Nurul Asma Liana Bakar yang mendapati bahawa OKU cacat penglihatan menghadapi kesukaran sewaktu menunaikan ibadah solat disebabkan tiada individu khas yang dapat membantu mereka.⁷³ Lebih mencabar lagi, ketiadaan kemudahan spiritual seperti bahan agama yang mesra OKU penglihatan, seperti Al-Quran Braille atau rakaman audio, menyukarkan mereka untuk mempelajari dan memahami ajaran agama.⁷⁴ Cabaran-cabaran ini perlu dititikberatkan supaya pihak masjid dapat menyediakan keperluan yang diperlukan oleh OKU sekaligus dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi individu istimewa ini sewaktu menunaikan solat di masjid.

Di samping itu, OKU mental juga mengalami cabaran yang tersendiri iaitu cabaran yang berkaitan dengan pemahaman dan tumpuan semasa solat. Mereka mungkin keliru dengan cara menunaikan solat, bacaan doa,

⁷² Mohd Huzaifi Awang @ Hussain & Hajarul Bahti Zakaria, “Peranan Masjid Dalam Pendidikan: Tumpuan Khusus Terhadap Golongan Pekak”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid: Memperkasa Masjid Sebagai tempat Pengajaran dan Pembelajaran*. (Bangi : UKM, 2010), 288 – 297.

⁷³ Nurul Asmak Liana Bakar, “Cabaran bagi golongan orang kelainan upaya (OKU) penglihatan dalam melaksanakan ibadah solat”, *Jurnal Al-Hikmah*, 9 (2)(2017), 3-15.

⁷⁴ Norakyairee et. al., “Pengajaran Alquran Braille: Isu dan Cabaran Semasa”, *International Journal on Quranic Research (IJQR)* 3 (4) (June 2013), 89.

atau peralihan sewaktu solat berjemaah yang memerlukan pendekatan yang lebih khusus untuk membantu mereka memahami ibadah dengan baik. Di samping itu, suasana masjid yang sesak atau bising boleh menjadi sebuah tekanan kepada mereka sehingga menyebabkan mereka sukar menumpukan perhatian kepada solat. Cabaran lain adalah sokongan daripada masyarakat dilihat amat kurang termasuklah kurangnya petugas masjid yang boleh memahami keperluan mereka sehinggakan menjadikan pengalaman mereka di masjid kurang menyenangkan. Begitu juga dengan OKU pembelajaran, mereka sering menghadapi kesukaran untuk memahami dan menghafal bacaan solat kerana kemampuan mereka untuk mempelajari sesuatu itu lebih perlahan serta memerlukan pendekatan yang berbeza.⁷⁵ Kebanyakan masjid pula dilihat tidak menyediakan bimbingan atau program khas untuk membantu OKU pembelajaran memahami ibadah solat dengan lebih baik.⁷⁶

Justeru itu, apabila melihat kepada pelbagai cabaran ini, jelas bahawa pendekatan yang rasional perlu dilakukan oleh institusi masjid dan masyarakat untuk memastikan golongan OKU dapat menuai solat dengan selesa dan tanpa halangan. Penyediaan infrastruktur yang mesra OKU seperti laluan ramp, ruang solat khusus, tempat wuduk yang sesuai, dan kemudahan seperti kerusi solat boleh membantu mengatasi cabaran yang dihadapi. Sokongan daripada masyarakat juga menjadi satu penyelesaian bagi masalah yang timbul. Tindakan ini bukan sahaja memenuhi keperluan golongan OKU, tetapi juga mencerminkan nilai keadilan, kesaksamaan, dan keprihatinan dalam komuniti Muslim.

KESIMPULAN

Konklusinya, golongan OKU adalah golongan yang sering terdedah kepada diskriminasi. Namun banyak usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia untuk menangani isu yang dihadapi oleh golongan rentan ini seperti memberi komitmen yang tinggi dengan meratifikasi Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya (CRPD), pada tahun 2010. Komitmen ini menunjukkan kesungguhan Malaysia dalam memastikan hak OKU dilindungi, termasuk hak untuk mengakses kemudahan awam dan tempat

⁷⁵ Shamim Husna Sharizal, Nurfatini Alya Ahmad Sallehudins & Rachel Decruz, “Capaian terhadap pendidikan: Analisis khusus berkenaan orang kurang upaya”, *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(2) (2024), 307–334. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(2\), 307-334](https://doi.org/10.37052/kanun.36(2), 307-334)

⁷⁶ Portal Rasmi : Program Pemulihan dalam Komuniti http://pdk.jkm.gov.my/ms_MY/community-based-rehabilitation-program-cbr/#1501837059713-47e18c3f-e980 diakses pada 17 April 2024.

ibadah secara adil dan saksama. Walaupun pelbagai dasar dan perundangan telah diperkenalkan, kelemahan dalam aspek penguatkuasaan masih menjadi cabaran utama yang menyebabkan matlamat sebenar CRPD sukar dicapai sepenuhnya. Oleh itu, usaha yang lebih berkesan perlu dilaksanakan, termasuk mekanisme pemantauan yang lebih tegas dan pelaksanaan dasar inklusif yang lebih berkesan bagi memastikan hak OKU benar-benar terjamin, selaras dengan prinsip *rights-based approach* yang ditekankan dalam CRPD. Selain itu, Akta OKU 2008 juga telah jelas menyatakan perlindungan terhadap golongan OKU, namun penguatkuasaannya hanya berada di takuk awal iaitu hanya sekadar cara pemberitahuan maklumat dan tiada denda yang dikenakan terhadap individu jika berlakunya kesalahan. Walaupun pada hakikatnya, undang-undang yang wujud ini dapat menjamin kedudukan golongan istimewa ini namun masih lagi terdapat kekurangan disebabkan sikap individu yang lebih suka bertindak tanpa melibatkan undang-undang kerana prosedur yang dianggap melecehkan. Dalam konteks menunaikan solat di masjid, kebanyakannya masjid di bandar sudah menyediakan sebahagian kemudahan fizikal dan spiritual yang bersesuaian dengan OKU namun masih lagi wujudnya kekurangan kemudahan ini di kawasan luar bandar. Mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuk kekurangan akses fizikal seperti laluan ramp dan ruang solat mesra OKU, ketiadaan kemudahan wuduk yang sesuai, serta kesukaran memahami khutbah akibat kekurangan bantuan audio dan visual. Cabaran ini berpunca daripada sikap sesetengah pihak yang menganggap memenuhi hak OKU sebagai tugas sampingan dan prosedur untuk memperjuangkan hak ini sebagai sesuatu yang ‘merumitkan’. Sikap ini bukan sahaja menghalang hak golongan istimewa ini dipenuhi, tetapi juga mencerminkan kekurangan kefahaman masyarakat terhadap keperluan sebenar OKU. Oleh hal yang demikian, semua pihak terutamanya pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan serta masyarakat perlu berganding bahu untuk membantu golongan OKU ini mendapatkan hak dan kedudukan mereka selayaknya, sekaligus memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai keperluan dan hak golongan istimewa ini.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah menerima pembiayaan penuh daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) iaitu bagi projek Pembangunan Model Baharu Masjid Mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia bagi kod penyelidikan : FP059-2022. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi serta pihak Yayasan Taqwa menerusi Akademi Pengajian

Islam Universiti Malaya yang turut memberikan dana bagi persidangan antarabangsa pada Julai 2023 kali ini.

RUJUKAN

- Abd Aziz Mohd Zin et.al. (2009). Dakwah Islam terhadap Orang Kurang Upaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abd al-Rahman Abd al-Khaliq. (1995). *al-Mashuq fi Ahkam al-Muawwaq Majallat al-Hikmah*. Leeds: Buhuth al-Dirasat al-Islamiyyah.
- Ahmad Hariri Mohd Saat & Raihanah Azahari. (2021). Kesejahteraan Keluarga Menurut Perspektif Islam: Kajian Kualitatif. *Jurnal Syariah* 29(3), 505.
- Aizan Sofia Amin. (2022). Penyisihan Sosial terhadap Orang Kurang Upaya. Johor: UTHM.
- Aizan Sofia Amin, Mohd Iqbal Haqim Mohd Nor & Hammad Mohd Saidi. (2023). Pemerksaan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Bujairimi, Sulayman bin ‘Umar bin Muhammad. (1950). *Hashiyah al-Bujairimi ‘ala al-Manhaj*. Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Kasani. (1996). *Badai’ al-Sanai’ fi Tartib al-Sharai’*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & Asy-Syarbaji, Ali. (2011). *Al-Fiqh al-Manhaji*. Kuala Lumpur: Prospecta Primers Sdn Bhd. Jilid 6.
- Al-Marghinani, Burhan al-Din Abu al-Hasan ‘Ali bin Abi Bakr bin ‘Abd al-Jalil al-Rashdani. (1990). *Al-Hidayah Syarh Badayah al-Mubtadi*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Ramli et. al., Muhammad bin Abi al-‘Abbas Ahmad bin Hamzah bin Shihab al-Din., Nihayah al-Muhtaj, dicetak bersama ‘Ali bin ‘Ali al-Shibramlisi dan Ahmad bin ‘Abd al-Razzaq al-Maghribi al-Rashidi. (2003). *Hashiyah al-Shibramlisi wa Hashiyah al-Maghribi al-Rashidi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Azman Ab Rahman. (2021). Ensiklopedia Fiqh Orang Kelainan Upaya (OKU). Selangor: JAKIM.
- Azman Ab Rahman. (2018). Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf Ar-Riqab di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research* 12, 45.

- Hak Orang Kurang Upaya Menunaikan Solat di Masjid: Isu dan Cabaran Azman Ab Rahman. (2017). *Fiqh Muamalat Orang Kelainan Upaya*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Azman Ab Rahman. (2019). *Fiqh Ibadat Orang Kelainan Upaya*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Bahagian Perangkaan Penduduk & Demografi. www.open.dosm.gov.my. diakses pada 17 April 2024.
- Emma Louise McKinney & Leslie Swartz. (2021). Employment Integration Barriers: Experiences of People with Disabilities. *The International Journal of Human Resources Management* 32(10), 22-98.
- Gina Dillon et. al. (2013). Mental and Physical Health and Intimate Partner Violence against Women: A Review of the Literature. *International Journal of Family Medicine*, 1-15 <http://dx.doi.org/10.1155/2013/313909>.
- Hassan J (t.h). Pelaksanaan Dakwah kepada Orang Pekak di Terengganu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hazlin et. al. (2013). Kesedaran Golongan Majikan Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia: Melalui Perspektif Media. Kuala Lumpur: ICoMM.
- Hamizul Abdul Hamid. (2013). Ekslusif Zakat. Selangor: Galeri Ilmu.
- Hilmi Malik. Hari OKU Antarabangsa: Fokus usaha tingkat kemampuan berdikari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hari-oku-antarabangsa-fokus-usaha-tingkat-kemampuan-berdikari-334351>, diakses pada 7 Ogos 2024.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Abidin bin Ibrahim bin Muhammad bin Muhammad. (1972). *Al-Ashbah wa al-Naza’ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi.
- Ibn Qudamah, Al-Mughni wa Yalihi al-Sharh al-Kabir ‘ala Matn al-Muqni. (1972). Beirut: Dar al-Kutub.
- Ikmal Hisham. (2018). Konsep Hak Asasi Manusia Bagi Orang Kurang Upaya di Malaysia: Suatu Analisis. *Kanun* 1, 71-99.
- Jabatan Bantuan Guaman. Hal Ehwal Perkahwinan <https://www.jbg.gov.my/index.php/ms-my/soalan-lazim/umuma> diakses pada 1 Mac 2024.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kategori Orang Kurang Upaya <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=ZW5ualdFNDNWN21vc21zRmpDQUpGZz09> diakses pada 17 Jun 2024.

- Mohd Huzairi bin Awang @ Husain. (2010). Persepsi Pelajar Bermasalah Pendengaran Terhadap Pembelajaran Fardhu A'in: Cabaran Terhadap Guru. *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education*. Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia.
- Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi Mustari. (2008). Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat, Hadhari. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.
- Mohd Rezaul Islam. (2015). Rights of the People with Disabilities and Social Exclusion in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity* 3 (5) 14-35.
- Mohd. Zaini Mat Abas. (2018). Rahsia Dan Keunikan Personaliti Kanak-Kanak Autistik Di Malaysia. Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. (2020). Faktor Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Universiti Sains Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Social Sciences and Humanities* 17 (7), 66-76.
- Nadiah Mohamed Daud, Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Hafiz Jamaludin. (2021). Keganasan Rumah tangga di Malaysia: Satu Analisis Literatur. *Journal of Shariah Law Research* 6 (2), 291.
- Norakyairee et. al. (2013). Pengajaran Alquran Braille: Isu dan Cabaran Semasa. *International Journal on Quranic Research* 3 (4) June, 89.
- Nurazmallail, Ahmad Kilani. (2004). Amalan Bekerjasama Dalam Komuniti Setempat Kepentingannya Menurut Perspektif Islam. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Pico-Alfonso et. al. (2006). The impact of physical, psychological, and sexual intimate male partner violence on women's mental health: depressive symptoms, posttraumatic stress disorder, state anxiety, and suicide. *Journal of Women's Health* 15 (5), 599–611.
- Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur
https://www.facebook.com/KLSDeaf/?locale=ms_MY.
- Sahibul Samahah Mufti. Irsyad Hukum Siri ke #392 : Adakah Masih Wujud Asnaf Al-Riqab pada Zaman Sekarang
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4089-irsyad-al-fatwa-siri-ke-392-adakah-masih-wujud-asnaf-al-riqab-pada-zaman-sekarang>, diakses pada 7 Ogos 2024.

Statistik Agihan Zakat di Selangor
https://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_agihan_stat.php diakses pada 6 Ogos 2024.

Statistik Pendaftaran OKU Mengikut Negeri dan Kategori Sehingga 31 Januari 2023, Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat.
[https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PEND_AFTRAAN%20OKU%2031012023%20\(2\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PEND_AFTRAAN%20OKU%2031012023%20(2).pdf).

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kategori Orang Kurang Upaya
<https://www.spa.gov.my/spa/panduan/kategori-orang-kurang-upaya-oku>, diakses pada 1 Julai 2024

United Nation, <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/penerbitan-jurnal-dan-laporan/instrumen-hak-asasi-manusia-diterjemah/1162-9-item-15-convention> rights-of-persons-with-disabilities-bm-amended-by-itbm-pdf/file diakses pada 18 Mei 2023.

Wahbah al-Zuhayli. (2004). Usul Al-Fiqh Al-Islami. Damsyik : Dar Al-Fikr.

World Health Organization,
<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30309> diakses pada 18 Mei 2023.

YADIM, Bantuan Zakat Wajar Diperluaskan kepada OKU
<https://www.yadim.com.my/v2/bantuan-zakat-wajar-diperluaskan-kepada-oku/> diakses pada 6 Ogos 2024.

Zulazhar Tahir et. al. (2020). Undang-Undang Berkenaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundangan di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration* 14, 96-114.

Zuliza Mohd Kusrin & Nur Syaidatul Akmar Binti Sha'arif. (2020). Pelaksanaan Kursus Pra-Perkahwinan Islam Untuk Golongan OKU Pendengaran di Malaysia. *Al-Irsyad* 5(1), 290.

STATUT

Akta Orang Kurang Upaya 2008

Akta Orang Orang Papa 1997

Kanun Keseksaan

Seksyen 79 Akta 303 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984